




WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR (tengah) bersalaman dengan ahli Persatuan Bekas Polis Malaysia dalam majlis perasmian Perhimpunan Agung Tahunan PBPM Ke-38 di Hotel Dynasty, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ABDUL RAZAK LATIF

Sistem amaran banjir baharu diguna selewat-lewatnya 2017

KUALA LUMPUR 25 Nov. - Sistem amaran banjir baharu yang berfungsi mengesan bencana alam itu dengan lebih awal dijangka dapat digunakan selewat-lewatnya pada tahun 2017.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, pada masa ini pihaknya sedang melakukan penilaian serta perbincangan dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) berhubung penggunaan sistem baharu itu.

"Kita akan memilih sama ada menggunakan cadangan (sistem amaran banjir) dari Amerika Syarikat (AS) atau saranan dari United Kingdom (UK).

"Sistem yang ingin kita guna pakai ini dikenal pasti mempunyai ketepatan antara 80 ke 90 peratus dan sekiranya kerajaan menerima sistem ini, pelaksanaannya dibuat secara berperingkat," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Perwakilan Persatuan Bekas Polis Malaysia (PBPM) Ke-38 di sini hari ini.

Yang turut hadir, Presiden PBPM, Dr. Hassan Yusoff.

Sementara itu, Wan Junaidi berkata, sistem sedia ada perlu dinaik taraf bagi membolehkan agensi berkaitan melakukan persediaan banjir dengan lebih berkesan.

"Melalui sistem sedia ada, kita hanya dapat tahu berlakunya banjir dalam tempoh enam jam sebelum kejadian sahaja, seeloknya kita ingin tahu dua hari lebih awal," ka-

tanya.

Ketika mengulas Laporan Ketua Audit Negara berhubung peralatan bagi pemasangan sistem tebatan banjir di Kelantan dan Sarawak yang dianggar bernilai RM6 juta tidak dimanfaatkan, Wan Junaidi berkata, beliau akan membentangkan kertas memorandum mengenai perkara itu kepada Kabinet Jumaat ini.

"Laporan audit mengatakan kita tidak mempunyai sumber kewangan untuk membuat penyelenggaraan sepanjang masa.

"Penyelenggaraan adalah penting kerana sebelum air bah datang, kita mahu semua aset di seluruh negara berada dalam keadaan terbaik dan berfungsi 100 peratus," katanya.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara 2014 Siri 3 itu, pelbagai peralatan bagi pemasangan sistem tebatan banjir di Kelantan dan Sarawak yang dianggar bernilai RM6 juta tidak dimanfaatkan kerana masalah teknikal dan pemasangan.

Perkara itu merupakan antara kelemahan yang dikenal pasti dalam projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10) membabitkan peruntukan RM3.35 bilion.

Menurut laporan yang dibentangkan Isnin lepas, peralatan berkenaan adalah bagi pemasangan Sistem Supervisory Control and Data Acquisition (SCADA) yang bernilai RM1.44 juta bagi RTB Sibu Fasa 2 dan RM4.86 juta yang diperuntukkan bagi projek RTB Sungai Kelantan Fasa 1.